



Dakwah kampus:

Teori vs praktikal?



Mahasiswa turut berperanan membawa misi dakwah di kampus.

Realiti mahasiswa pada hari ini sering memandang enteng terhadap istilah dakwah seolah-olah tidak memberikan sebarang impak terhadap diri mereka.

Kebelakangan ini, kita dapat melihat banyak gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat terutama dalam kalangan anak muda di samping masalah sosial yang semakin meruncing sehingga bakal menyebabkan barah dalam masyarakat kita.

Persoalannya, apakah peranan dan tanggungjawab kita selaku mahasiswa yang dipandang hebat oleh masyarakat sebagai golongan ilmuwan untuk memimpin kepada jalan kebaikan?

Adakah cukup dengan hanya membaca buku dan ber-teori semata-mata di kampus tanpa tindakan luar biasa untuk membina masyarakat? Adakah cukup dengan hanya kancang dan hebat di alam kampus namun tidak mampu menyumbangkan apa-apa setelah bergelar graduan?

Ayuh, sama-sama kita renungkan dan mengambil langkah bijak untuk mengubah paradigma pemikiran. Mengapa perlu adanya istilah dakwah kampus? Kunci kepada persoalan ini sudah tentu sering kali dijawab dengan "Tak perlu berdakwah di kampus kerana tugas kita sebagai pelajar sudah tentu hanya perlu

fokus kepada pelajaran, mendapat keputusan cemerlang dan membentuk diri menjadi ulat buku di universiti."

Buka minda dan akal kita. Pernahkah kita terfikir apakah matlamat kita setelah masuk ke alam universiti? Adakah cukup dengan hanya menjadi golongan ilmuwan tanpa memikirkan sumbangan kepada masyarakat?

Alangkah cantik seandainya dua gabungan medium yang hebat ini diterjemahkan iaitu teori dan praktikal ilmu kepada masyarakat yang amat dahagakan ilmu serta tunjuk ajar daripada golongan ilmuwan.

Beri impak besar

Dakwah kampus ialah cetusan yang sangat berharga. Ia membantu dalam memberikan impak yang besar dan momentum drastik dalam membuat perubahan yang akan menghasilkan kesan efektif dalam jangka masa yang panjang.

Oleh itu, untuk menghasilkan nilai yang demikian, amat memerlukan individu yang mempunyai keazaman yang kuat, bijak mengatur strategi dan mempunyai semangat motivasi yang tinggi.

Selain itu, kebijaksanaan individu yang mempunyai daya tahan yang lasak sama ada dari segi luaran mahupun dalaman serta pakej kepemimpinan dan komunikasi yang baik mampu

membawa dakwah dan membentuk satu anjakan paradigma dakwah kampus ke suatu fasa yang lebih baik.

Apabila berbicara mengenai dakwah kampus, umpama gandingan dua gelombang yang kuat dan tinggi. Jika ada dua gelombang yang berpadu pada titik yang tepat, berupaya untuk menghasilkan gelombang yang berkali ganda ketinggian, kekuatan serta kehebatan luar biasa.

Dalam erti kata lain, apabila kita mampu menjadi pendakwah yang terbaik iaitu mempunyai pakej keilmuan dan komunikasi yang baik serta mendapat sasaran yang mudah didekati, sudah tentu menjadi nilai tambah yang tinggi untuk mengajak dan menyeru orang ramai ke arah kebaikan.

Jika tidak mempunyai cita-cita untuk menjadi pendakwah dan tiada perancangan yang rapi untuk persiapan diri menghadapi dunia luar yang penuh cabaran, kemungkinan besar produk yang keluar dari kampus hanyalah individu yang mempunyai otak yang cerdas tetapi hatinya kering daripada iman dan takwa.

Gelombang dakwah

Realitinya pada hari ini, kita selaku mahasiswa adakah cukup dengan hanya menjadi ulat buku di kampus namun tidak mampu menjadi bahan rujukan kepada masyarakat di luar sana

“

SUDAH TIBA
MASANYA
UNTUK KITA
MENGUATKAN
GELOMBANG
DAKWAH DI
KAMPUS, AGAR
IA SELARI
DENGAN
GELOMBANG
ILMU DAN PEN-
DIDIKAN YANG
KITA MILIKI”

setelah tamat pengajian kelak?

Sudah tiba masanya untuk kita menguatkan gelombang dakwah di kampus, agar ia selari dengan gelombang ilmu dan pendidikan yang kita miliki.

Bagi merealisasikan teori indah ini supaya kita tidak dilihat hanya kancang di kampus namun lemau setelah menjengah ke lapangan masyarakat, maka harus

ada mahasiswa yang mempunyai jiwa dan keazaman yang tinggi untuk menjadi nadi dakwah.

Dakwah ini harus bermula sekarang dan perancangan dan misinya perlu dijaga dan dipelihara demi kelangsungan dakwah yang berpanjangan sehingga kita sampai ke puncak kejayaan Islam.

Kampus harus menjadi permulaan titik tolak seseorang pemuda untuk mencorak masa depannya. Sarjana ada mengatakan "pemuda hari ini pemimpin masa hadapan." Sayangnya anda peluang untuk kita menggilap diri menjadi mutiara yang berharga dibiarkan begitu saja.

Analogi yang cukup ringkas yang boleh kita renungkan, rata-rata mahasiswa masih bujang dan tiada banyak komitmen lain yang perlu digalas bahkan mereka tiada jawatan yang perlu direbut.

Inilah peluangnya untuk kita menjadi ikon kepada masyarakat kampus dengan menggarapkan keterampilan dan kredibiliti diri dengan menyertai pelbagai aktiviti di kampus di samping menjadikan pengajian sebagai keutamaan.

Aktifkan dirimu mahasiswa untuk membawa misi dakwah di kampus agar momentum dakwah ini dapat dirasai tidak hanya pada masyarakat kampus, malah menyumbang kepada pembinaan ummah.